Glosari, Akronim dan Singkatan

Aset digital
Aset digital ialah nilai dalam bentuk digital yang boleh didagangkan atau dipindahkan secara digital dan boleh digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan. Aset digital memanfaatkan terutamanya kriptografi dan teknologi lejar teragih yang membolehkannya diurus niaga tanpa memerlukan pengantara. Secara amnya, aset digital boleh dikelaskan kepada dua kategori utama, iaitu aset digital tanpa sokongan (contohnya Bitcoin dan Ether) dan stablecoin (contohnya Tether dan USD Coin), yang bertujuan untuk mengekalkan nilai yang secara relatif stabil berbanding dengan aset tertentu atau sekumpulan aset. Yang penting, aset digital tidak termasuk bentuk digital mata wang fiat yang dikeluarkan oleh badan berdaulat

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Aset kewangan mudah tunai isi rumah
Aset kewangan isi rumah kecuali simpanan KWSP

Aset mudah tunai berkualiti tinggi
Aset yang boleh ditukar kepada tunai secara mudah dan segera dengan sedikit kehilangan nilai atau tanpa kehilangan nilai

Bank asing diperbadankan di Malaysia
Bank berlesen atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia

Bank digital
Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan peniagaan perbankan atau perniagaan perbankan Islam melalui kaedah digital atau elektronik secara sepenuhnya atau sebahagian besarnya

Bank domestik yang penting dari segi sistemik
Bank yang berpotensi menyebabkan gangguan yang besar terhadap sistem kewangan domestik dan ekonomi secara lebih meluas jika mengalami
kegagalan

Beli dahulu bayar kemudian
Kemudahan yang membolehkan pelanggan menangguhkan pembayaran barangan atau perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui apabila pembayaran telah didahulukan oleh penyedia perkhidmatan kewangan (atau bersama-sama dengan rakan kerjasamanya) kepada pembekal barangan atau perkhidmatan tersebut. Penangguhan pembayaran tidak dikenakan sebarang faedah atau menghasilkan keuntungan

Bon hijau
Instrumen kewangan yang membiayai projek hijau dan memberikan bayaran pendapatan tetap kepada pelabur

Ekuiti negatif
Harga harta tanah yang kurang daripada baki terkumpul pinjaman yang digunakan untuk membeli harta tanah tersebut

Hutang luar negeri berisiko bank
Bahagian hutang luar negeri bank yang lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba

Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia
Indeks untuk mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan pengguna Malaysia

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan
Instrumen pemantauan risiko untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan pendorong tekanan pasaran

Institusi pengantara
Sebuah syarikat yang ditubuhkan atau diperoleh oleh Bank atau anak syarikat PIDM, yang ditetapkan sebagai institusi pengantara untuk mengambil alih perniagaan, aset, hal ehwal dan liabiliti sesebuah bank yang tidak berdaya maju, termasuk fungsi yang sangat penting

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan sesebuah bank yang terdiri daripada jumlah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2

Jumlah Nilai Terkunci
Nilai keseluruhan dana pengguna yang disimpan dalam protokol kewangan tidak berpusat (decentralised finance, DeFi). Dana ini mungkin ditumpukan pada protokol untuk beberapa fungsi, seperti meletakkan kepentingan, menyumbang kepada kumpulan mudah tunai, atau memberi pinjaman

Kadar Pertukaran Efektif Nominal
Purata berwajaran mata wang negara asal berbanding dengan mata wang negara rakan perdagangan utama

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) nominal
KDNK pada harga semasa

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain yang meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium insurans/sumbangan takaful diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen bersih dan perbelanjaan pengurusan. Pendapatan ini meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Kewangan tidak berpusat
Perkhidmatan kewangan yang disediakan tanpa pengantara serta menggunakan protokol automatik (kontrak pintar) pada rantaian blok

Kredit penggunaan
Pembiayaan yang diambil untuk tujuan penggunaan seperti pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain

Kumpulan perbankan domestik
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan
Jumlah pendapatan pengunderaitan bersih, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain yang meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat.

Margin faedah bersih
Perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan sesebuah bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, keuntungan tertahan dan rizab lain

Nisbah bida kepada perlindungan
Nisbah yang mengukur kekukuhan permintaan untuk sekuriti semasa lelongan. Nisbah dikira mengikut nilai bida diterima semasa lelongan dibahagi dengan jumlah terjual

Nisbah harga kepada nilai buku
Nisbah harga saham kepada nilai buku saham

Nisbah harga kepada nilai perolehan
Nisbah harga saham kepada nilai perolehan sesaham bank dalam tempoh 12 bulan yang lepas

Nisbah hutang kepada pendapatan
Nisbah semua hutang terkumpul peminjam kepada pendapatan kasar tahunannya

Nisbah kecukupan modal
Ukuran kedudukan kesolvenan penanggung insurans atau pengendali takaful yang dinyatakan sebagai nisbah jumlah modal tersedia kepada jumlah modal diperlukan

Nisbah khidmat hutang
Nisbah jumlah obligasi hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun)

Nisbah kos kredit tahunan
Nisbah peruntukan kerugian pinjaman tahunan dikenakan pada penyata pendapatan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
Nisbah pendanaan stabil tersedia (*available stable funding,* ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (*required stable funding,* RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran mengikut kestabilan, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan yang berwajaran mengikut tahap mudah tunai

Nisbah perlindungan faedah
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
Nisbah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets,* HQLA) bank kepada jangkaan aliran keluar tunai bersih bank untuk tempoh 30 hari akan datang

Nisbah pinjaman kepada nilai
Nisbah pinjaman kepada nilai aset yang dibeli

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat yang mengukur mudah tunai

Pelan kesinambungan perniagaan
Pelan tindakan menyeluruh yang menggariskan prosedur, proses dan sistem yang diperlukan untuk meneruskan atau memuliihkan operasi perniagaan sesebuah institusi sekiranya terjadi gangguan

Pelan Pemulihan Bencana
Pelan tindakan bertulis secara menyeluruh yang menggariskan prosedur dan proses untuk sistem IT dan keperluan untuk menyokong dan memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi sekiranya terjadi gangguan

Pelan Pemulihan dan Resolusi
Perancangan oleh institusi kewangan dan pihak berkuasa yang menetapkan proses yang berkesan dan cekap bagi meningkatkan tahap boleh diselia, boleh dipulihkan dan boleh diselesaikan bagi institusi kewangan semasa krisis dan mengelakkan daripada perlu bergantung pada bantuan kewangan kerajaan untuk diselamatkan

Pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gases, GHG) sifar bersih
Pelepasan GHG sifar bersih dicapai apabila pelepasan antropogenik (yang dilepaskan oleh aktiviti manusia seperti penggunaan bahan api fosil) GHG ke atmosfera diimbangi oleh penyingkiran antropogenik (seperti perolehan dan penyimpanan hutan dan karbon yang lebih besar) dalam tempoh tertentu. Apabila melibatkan banyak GHG, pengiraan pelepasan sifar bersih bergantung pada metrik iklim yang dipilih untuk membandingkan pelepasan gas yang berbeza (seperti potensi pemanasan global, potensi perubahan suhu global dan lain-lain, serta tempoh masa yang dipilih)

Pembelian dan Pengambilalihan
Strategi resolusi iaitu pemeroleh pihak ketiga membeli aset dan mengambil alih liabiliti daripada bank yang tidak berdaya maju

Pendapatan pengunderaitan bersih
Pendapatan daripada premium insurans/sumbangan takaful selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Penyedia perkhidmatan pihak ketiga
Entiti-entiti, termasuk syarikat-syarikat sekutu, yang menyediakan perkhidmatan bantuan kepada sesebuah institusi kewangan di bawah pengaturan penyumberan luar

Penyerapan kerugian yang lebih tinggi
Keperluan penampan modal yang dikenakan terhadap D-SIB melebihi keperluan pengawalseliaan minimum untuk meningkatkan penampan modal bagi operasi yang akan berterusan serta bertujuan mengurangkan kebarangkalian untuk D-SIB tersebut gagal

Pinjaman delinkuen
Akaun pinjaman tertunggak dua bulan

Pinjaman tahap 2
Pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup, berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Pinjaman terjejas bersih
Nisbah pinjaman terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman ditolak peruntukan tertentu

Premium/sumbangan langsung kasar
Premium/sumbangan yang diperoleh sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans am langsung dan pengendali takaful am langsung

Premium/sumbangan perniagaan baharu
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu yang meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya pada sesuatu masa sebahagiannya ditentukan mengikut nilai aset pelaburan pada masa itu

Non-fungible tokens
Unique cryptographic tokens that exist on a blockchain and cannot be replicated, used to represent ownership of artwork, real estate or other assets

Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman
Proses keseluruhan bagi memastikan institusi perbankan mengekalkan modal yang mencukupi secara berterusan untuk menyokong operasi perniagaannya melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum di bawah Asas 1

Proses Penilaian Kecukupan Mudah Tunai Dalaman
Proses keseluruhan bagi memastikan institusi perbankan mengekalkan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap untuk memastikan keupayaannya memenuhi obligasi pembayaran pada setiap masa, termasuk semasa keadaan buruk

Rantaian blok
Lejar teragih yang dikemas kini dalam sekumpulan transaksi yang disebut sebagai blok

Risiko fizikal
Kos ekonomi dan kerugian kewangan akibat daripada peningkatan tahap keterukan dan kekerapan
(i) peristiwa cuaca yang berkaitan dengan perubahan iklim yang melampau (atau peristiwa cuaca melampau) seperti gelombang haba, tanah runtuh, banjir, kebakaran hutan dan ribut (iaitu risiko fizikal akut);
(ii) peralihan iklim secara beransur-ansur dalam jangka lebih panjang seperti perubahan dalam kerpasan, cuaca yang berubah-ubah secara melampau, pengasidan lautan serta peningkatan paras laut dan suhu purata (iaitu risiko fizikal kronik atau risiko kronik); dan
(iii) kesan tidak langsung perubahan iklim seperti kehilangan perkhidmatan ekosistem (contohnya penggurunan, kekurangan air, kemerosotan kualiti tanah atau ekologi marin)

Risiko Peralihan
Risiko yang berkaitan dengan proses penyesuaian ke arah ekonomi rendah karbon. Semua pendorong ini mewakili perubahan berkaitan iklim yang boleh menyebabkan, meningkatkan atau mengurangkan risiko peralihan. Pendorong ini termasuk perubahan dasar, perundangan dan pengawalseliaan sektor awam (lazimnya kerajaan), perubahan teknologi serta perubahan pasaran dan sentimen pelanggan. Setiap pendorong ini mungkin menyebabkan, mempercepat, memperlahankan atau mengganggu peralihan ke arah ekonomi rendah karbon

Rumah yang tidak terjual
Terdiri daripada unit kediaman yang tidak terjual selama lebih daripada sembilan bulan dari tarikh pelancaran atau 1 Januari 1997. Unit-unit ini merangkumi (i) unit yang dilengkapi Sijil Penyiapan dan Pematuhan atau Sijil Layak Menduduki Sementara dalam tempoh kajian; atau (ii) unit dengan kelulusan pelan bangunan yang sedang dibina

Sekuriti pada kos terlunas
Sekuriti yang dibeli bagi tujuan pemegangan sehingga tempoh matang. Perubahan dalam harga pasaran sekuriti ini tidak menyebabkan sebarang keuntungan atau kerugian tidak direalisasi

Sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain
Sekuriti yang dibeli dengan tujuan untuk dijual sebelum mencapai tempoh matang dengan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksamanya dicatatkan dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti itu dijual

Sistem pembayaran runcit
Sistem pindahan dana yang lazimnya mengendalikan sejumlah besar pembayaran bernilai rendah dalam bentuk seperti cek, pindahan kredit, debit langsung dan transaksi pembayaran kad

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata
Sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip

Sistem Pengurusan Maklumat
Sistem maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan serta untuk penyelarasan, kawalan, analisis dan visualisasi maklumat dalam sesebuah entiti

Strategi Resolusi Terpilih
Strategi penyelesaian yang telah dinilai sesuai berhubung dengan bank ahli PIDM tertentu untuk mencapai resolusi segera dan teratur yang memastikan kesinambungan fungsi sangat penting, jika ada, serta menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

Syarikat yang berisiko
Syarikat korporat bukan kewangan tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan dua kali

Teknologi kewangan
Integrasi teknologi kewangan dalam perkhidmatan kewangan

Token Pembayaran Digital
Nilai berbentuk digital yang boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik serta memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Akta Perkhidmatan Pembayaran 2019 di Singapura

Token tidak sepiawai
Token kriptografi unik yang wujud pada sesuatu rantaian blok dan tidak boleh disalin serta digunakan untuk mewakili pemilikan karya seni, harta tanah atau aset lain

AC
kos terlunas (amortised cost)

AKPK
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

BCP
pelan kesinambungan perniagaan (business continuity plan)

BI
institusi pengantara

BNPL
beli dahulu bayar kemudian (buy-now-pay-later)

CAGR
kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate)

CAR
nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio)

CASA
akaun semasa dan akaun simpanan (current and savings accounts)

CASTD
nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio)

CCPT
Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy)

CDRC
Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee)

CGC
Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad)

CIS
Skim Pelaburan Kolektif (Collective Investment Scheme)

CRMA
Penilaian Kematangan Daya Tahan Siber (Cyber Resilience Maturity Assessment)

CRST
Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing)

CSM
Cyber Security Malaysia

DAR
hutang berisiko (debt-at-risk)

DAX
Bursa Aset Digital (Digital Asset Exchanges)

DBG
kumpulan perbankan domestik (domestic banking group)

DeFi
kewangan tidak berpusat (decentralised finance)

DPT
Token Pembayaran Digital (Digital Payment Token)

DRP
pelan pemulihan bencana (disaster recovery plan)

D-SIB
bank domestik yang penting dari segi sistemik (domestic systemically important bank)

DSR
nisbah khidmat hutang (debt service ratio)

DTI
nisbah hutang kepada pendapatan (debt-to-income)

FCI
Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey)

FCY
mata wang asing (foreign currency)

FEN
Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network)

FinTIP
Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform)

FMSI
Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)

FVOCI
nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (fair value through other comprehensive income)

FX
pertukaran asing (foreign exchange)

GFC
Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis)

GHG
gas rumah hijau (greenhouse gases)

GII
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Government Investment Issues)

HLA
penyerapan kerugian yang lebih tinggi (higher loss absorbency)

HQLA
aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets)

ICAAP
Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process)

ICR
nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio)

IKBB
institusi kewangan bukan bank

IKP
institusi kewangan pembangunan

ILAAP
Proses Penilaian Kecukupan Mudah Tunai Dalaman (Internal Liquidity Adequacy Assessment Process)

IT
teknologi maklumat (information technology)

ITO
penanggung insurans dan pengendali takaful (insurers and takaful operators)

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

LCR
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)

LIBOR
Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate)

LIFB
bank asing diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign bank)

LTV
pinjaman kepada nilai (loan-to-value)

MFRS 9
Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9)

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)

MYFLIC Index
Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index)

MYR
Ringgit Malaysia (Malaysian Ringgit)

NACSA
Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)

NFT
token tidak sepiawai (non-fungible token)

NOP
kedudukan terbuka bersih (net open position)

NSFR
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)

OPR
Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate)

P/B
harga kepada nilai buku (price-to-book)

P/E
harga kepada perolehan (price-to-earning)

PayNet
Payments Network Malaysia Sdn Bhd

PDRM
Polis Diraja Malaysia

PEMULIH
Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PKS
perusahaan kecil dan sederhana

PRS
strategi resolusi terpilih (preferred resolution strategy)

R&R
penjadualan dan penstrukturan semula (rescheduling and restructuring)

RENTAS
Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)

RFR
kadar bebas risiko (risk-free rates)

ROE
pulangan atas ekuiti (return on equity)

RORWA
pulangan atas aset berwajaran risiko (return on risk-weighted assets)

RPP
Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform)

RPS
sistem pembayaran runcit (retail payment system)

RRP
Pelan Pemulihan dan Resolusi (Recovery and Resolution Planning)

RWA
aset berwajaran risiko (risk-weighted asset)

SC
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia)

SDRS
Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme)

SJPP
Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad

SKMM
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

SOFR
Kadar Pembiayaan Semalaman Terjamin (Secured Overnight Financing Rate)

SRR
Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement)

TPSP
penyedia perkhidmatan pihak ketiga (third party service provider)

TVL
Jumlah Nilai Terkunci (Total Value Locked)

URUS
Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan

VBIAF
Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value Based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework)